

# PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI  
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUAN 15 BILANGAN 43 RABU 28 OKTOBER 1970 1390 رابو 27 شعبان PERCHUMA

## ISTIADAT MENGURNIAKAN BINTANG2 DAN PINGAT2

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah mengurniakan Bintang2 dan Pingat2 kebesaran kepada 173 orang raayat baginda dalam satu istiadat yang telah berlangsung di-Lapau, Bandar Seri Begawan pada pagi semalam.

Sinarai penerima bintang2 dan pingat2 itu telah di-dahului oleh Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Norain yang telah di-kurniakan **Darjah Kerabat Yang Amat Di-Hormati Darjah Pertama — D.K.**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Di-Gadong Seri Lela Dato Seri Utama Awang Haji Mohammad Yusuf bin Pehin Jawatan Dalam Awang Haji Mohammad Hussein juga telah di-kurniakan darjah yang sama.

Tiga orang telah di-kurniakan **Darjah Mahkota Brunei Yang Di-Hormati Darjah Pertama — S.P.M.B.** Mereka ia-lah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Kanun Di-Raja Dato Utama Awang Idris Talog Davies, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Di-Raja Dato Utama Awang John Lee dan Yang Berhormat Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar bin Awang Rendah.

Duli Yang Maha Mulia telah mengurniakan **Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Kedua — D.S.N.B.** Mereka ia-lah:

Y.A.M. Pengiran Kerma Negara Pengiran Anak Abdul Wahab bin Pengiran Sabtu Kemaluddin, Y.B. Pehin Dato Laila Setiawan Dato Seri Laila Jasa Awang William Henry Doughty, Y.B. Pehin Dato Saudagar Derma Laila Dato Seri Laila Jasa Awang R.T. Lloyd Dolbey, Y.B. Pehin Dato Derma Setia Dato Seri Laila Jasa Awang P.A. Coates, Dato G.E. Coster, Dato Paduka Awang Mohammad Taib bin Awang Besar dan Awang R.A.B. Clough.

Lapan orang telah menerima **Darjah Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Kedua — D.S.L.J.** Mereka ia-lah Y.A.M. Pengiran Kerma Indera Pengiran Anak Tajuddin bin Pengiran Haji Abdul Momin, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Perdana Indera Awang Haji Mohd. Taha bin Haji Bakir, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Perbendaharaan Di-Raja Dato Paduka Awang Haji Ali Husain bin Khatib Mohammad, Awang N.C. Peat, Awang Charles Terrance Miller, Awang (Dr.) Peter Loy De Villiers Hart, Awang I.A. Harris dan Major D.J. Cutfield.

**Darjah Mahkota Brunei Yang Di-Hormati Darjah Kedua — D.P.M.B.** telah di-kurniakan kepada tujuh orang. Mereka ia-lah D.S.P. Pengiran Dato Paduka Umar bin Pengiran Dato Penghulu Pengiran Haji Apong, Pengiran Dato Paduka Damit bin Pengiran Metussin, Yang Di-Muliakan Pehin Penyurat Awang Haji Hashim bin Mohd. Salleh, Dayang (Dr.) C.M. Lamplugh, Ketua Merinyu Dato Paduka Awang Metali bin Othman, R.B. De Rochbrune dan A.S.P. Abu Zar bin Abu Bakar.

Pegawai Warant M. Flinn telah di-kurniakan **Perwira Agong Negara Brunei Darjah Pertama — P.A.N.B.**

Lain2 yang telah menerima bintang2 dan pingat2 ada-lah saperti berikut:

**Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Mulia Darjah Ketiga — S.N.B.**

Yang Di-Muliakan, Pehin Orang Kaya Perdana Indera Awang Haji Mohd. Taha bin Haji Bakir; Yang Di-Muliakan, Pehin Orang Kaya Perdana Wangsa Awang Haji Ahmad bin Mohamad; Yang Di-Muliakan Pehin Bendahari China Kornia Di-Raja Awang Kok Tin; Awang (Dr.) Ishar Gurnaksh Singh; Major H. Marshall; Dayang Barbara Berthoud; Awang A.D. Bumford dan Awang L.J. Brown.

**Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Ketiga — S.L.J.**

Awang W.G. Morrison; Awang T. Kinneer; Awang Haji Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar; Awang Abdul Rahman bin Dato Paduka Mohammad Taib dan Awang Alex Reid.

(Lihat Muka 8)



D.Y.M.M. sedang mengurniakan pingat Hassanal Bolkiyah Sultan Pangkat Pertama kepada Y.A.M. Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusuf.

## Timbalan M.B. yang baru

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah memperkenalkan lantekan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Utama Awang Isa bin Pehin Dato Perdana Menteri Dato Seri Utama Awang Haji Ibrahim menjadi **Timbalan Menteri Besar.**

Istiadat lantekan itu telah di-langsungkan di-Lapau Bandar Seri Begawan pagi kelamari.

Surat tauliah lantekan itu telah di-bachakan oleh Mudim Awang Mohamad Yusof bin Abdul Latif.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Utama Awang Isa dengan rasmi-nya memegang jawatan Timbalan Menteri Besar itu mulai kalamari, 27 Oktober bagi memenuhi kekusongan jawatan itu sejak tahun 1965 kerana menggantikan Pengiran Dato Setia Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamad Daud yang sejak tahun itu telah bersara.

Yang Berhormat Pehin Dato Isa sa-belum di-lantek menjadi Timbalan Menteri Besar telah menjadi Timbalan Peguam Negara dan beliau kerap kali menyertai



Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Utama Awang Isa.

rombongan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan serta rombongan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan ka-luar negeri.

Yang Berhormat Pehin Dato Isa dalam sembah ucapan-nya telah melapzkan ikrar ta'at setia kepada Sultan dan akan menumpukan sa-genap tenaga dan usahanya bagi menjalankan tanggung-jawap-nya sa-bagai Timbalan Menteri Besar menurut perentah undang2 negeri dengan tidak berat sebelah.





Pembinaan tembok di-sepanjang Jalan Residency telah selesai (gambar atas).

Kerja2 pembinaan tembok itu telah di-mulakan dalam pertengahan tahun lepas dan ia-nya menelan belanja kira2 \$900,000.00.

Pembinaan jalan raya sa-jauh dua sa-tengah batu itu akan di-mulakan sa-baik2 sahaja kerja2 menanam paip bagi saluran ayer kotor itu selesai.

## Pemenang2 peraduan "Master Bandar Seri Begawan"

**BANDAR SERI BEGAWAN.**

— Pengawal Kenderaan Darat, Dato Paduka Awang Abdul Ghani bin Jamil telah merasmikan Peraduan2 "Master Bandar Seri Begawan dan Ratu Chantek Bandar Seri Begawan di-Pusat Belia di-Bandar Seri Begawan malam Ahad lepas.

Peraduan yang di-anjorkan oleh Persatuan Pemandu2 Teksi Daerah Brunei-Muara itu ada-lah salah sa-bahagian dari achara sambutan istiadat penukaran nama Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan.

Pesuruhjaya Kebajikan Masyarakat Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Awang Mohamed Salleh bin Haji Masri dan Yang Di-Pertua Persatuan itu, Awang Ering bin Abdul Latif telah juga berucap sa-belum pembukaan rasmi peraduan2 itu.

Hadiah2 kepada pemenang2 telah di-sampaikan oleh Dayang Tinah binte Abdul Rahman, isteri Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Awang Mohamed Salleh bin Haji Masri.

Keputusan2 peraduan itu ia-lah seperti berikut:

Master Bandar Seri Begawan: Pertama — Awang Mohammed bin Jaafar; Kedua — Awang Jaafar bin Mohamed Noor dan ketiga Awang Duraman bin Samsuddin. Awang Mohamed bin Jaafar juga telah menerima hadiah istimewa.

Ratu Chantek Bandar Seri Begawan: Pertama — Dayangku Norain binte Pengiran Idris; kedua — Dayang A.B. Marhagayati dan ketiga Dayangku Norlia binte Pengiran Chuchu. Hadiah istimewa telah di-menangi oleh Dayangku Norlia binte Pengiran Chuchu.

## Dua orang pegawai AMDB di-naikkan pangkat

**BERAKAS.** — Askar Melayu Di-Raja Brunei telah menaikkan pangkat dua orang Pegawai Warrant ka-pangkat Leftenen dan Pegawai Warrant Satu.

Pegawai Warrant Dua Mohamad Don bin Abdul Latif telah di-naikkan ka-pangkat Leftenen dan Pegawai Warrant Dua Pengiran Jaluddin bin Pengiran Mustapha ka-pangkat Pegawai Warrant Satu mulai dari 20 Oktober, 1970.

Leftenen Mohamad Don telah masuk berkhidmat dengan Askar Melayu Di-Raja Brunei dalam tahun 1961 sa-bagai salah sa-orang rekrut pengambilan pertama.

Dalam masa perkhidmatannya dengan Askar Melayu Di-Raja Brunei beliau telah menghadiri berbagai2 kursus tentera di-seberang laut termasuk Kursus Bahasa Inggeris di-Sekolah Pelajaran Tentera di-Beaconsfield dalam tahun lepas.

Pegawai Warrant Satu Pengiran Jaluddin telah masuk berkhidmat dengan Askar Melayu Di-Raja Brunei dalam tahun 1961 dalam pengambilan ketiga.

Dalam tahun 1965 beliau telah menghadiri kursus pemandu kereta perisai, penyelenggaraan dan tektik di-Puckapunyol di-Australia dan beliau juga menghadiri latihan penggunaan semua senjata di-Khemah Firbright, England dalam tahun lepas.



Majlis Belia2 Negeri Brunei telah mempersembahkan sa-buah tattoo derama yang bertajok "Seri Begawan Yang Pertama" di-padang KBRC Kuala Belait pada hari Jumaat lepas.

Persembahan derama itu di-adakan bersempena upacara meletakkan batu asas tugu chenderamata kenangan dari penduduk2 Daerah Belait bagi memperingati jasa D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan yang telah di-lakukan oleh Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusuf pada sebelah pagi-nya.

Tattoo derama itu telah di-persembahkan buat pertama kali-nya di-padang besar Bandar Seri Begawan pada 2 Oktober sa-bagai salah satu achara sambutan bagi istiadat penukaran Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan.

Gambar atas menunjukkan babak orang2 Spanyol ketika mengadap Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan di-Istana.

## Pembena jalan baru Seria / Kuala Belait

**KUALA BELAIT.** — Kerja2 pembenaan sa-batang jalan pasir sa-jauh empat batu bagi menghubungkan Jalan Tengah antara bulatan di-batu 5 dan Jalan Panglima di-Kuala Belait sedang berjalan lancar.

Sa-orang juruchakap bagi Jabatan Kerja Raya di-Kuala Belait berkata, lebeh kurang sa-tengah batu jarak jalan itu telah di-buboh aspal.

Jabatan tersebut telah memulakan kerja2-nya itu dalam tahun 1966.

Kerja2 menambak dengan menggunakan pasir2 dari pantai Belait di-jalankan bagi melebarkan menurut ukuran jalan biasa. Apabila siap, ia-nya akan merupakan sa-buah lagi jalan raya antara Seria dan Kuala Belait.

Juruchakap itu berkata, sebab utama di-jalankan usaha membena jalan itu ia-lah untuk membuka jalan bagi usaha2 pembangunan di-kawasan yang berpaya itu.

## MELIHAT ANAK BULAN RAMADHAN

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Satu rombongan pegawai2 dari Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama pegawai2 dari Pejabat Ukor akan melihat anak bulan Ramadhan pada hari Juma'at 30 Oktober untuk menentukan permulaan puasa.

Sa-orang juruchakap di-Jabatan Hal Ehwal Ugama berkata, jika anak bulan Ramadhan nampak pada petang Juma'at itu, maka permulaan puasa akan jatuh pada hari Sabtu 31 Oktober dan jika tidak nampak, maka permulaan puasa akan tetap pada hari Ahad 1 Nobember.

Juruchakap itu menyeru kepada orang2 Islam di-negeri ini supaya jangan makan dan minum atau merokok di-khalayak ramai di-waktu siang hari dalam bulan puasa dan jika mereka berbuat demikian, mereka boleh di-hadapkan ka-mahkamah Sharaiah.

Orang2 Islam yang melanggar peratoran itu, mereka akan di-denda sebanyak \$50,000 bagi kesalahan pertama, \$75.00 bagi kesalahan kedua dan \$100.00 bagi kesalahan ketiga.

Tuan2 punya restoran dan kedai2 makan ada-lah di-minta memberikan kerjasama supaya tidak menjual makanan atau minuman kepada orang2 Islam di-waktu siang hari.

Jika mereka di-dapati berbuat demikian, mereka juga akan di-kenakan denda.



**PADA** dua minggu yang lalu, kita telah menerangkan berkenaan dengan hukum puasa, termasuklah syarat sah puasa, yang membatalkan puasa dan perkara yang patut di-kerjakan dan yang patut di-tinggalkan untuk menambah dan memperbaiki amal puasa seseorang itu.

Sa-bagaimana kita telah sebutkan dalam khutbah lalu, bahawa Rasulullah s.a.w. pada tiap malam Ramadhan belajar Al-Quran kepada Jebril, serta mendirikan sembahyang tarawikh. Menurut kebiasaan kita di-masa yang lalu hingga pada masa ini, apabila kita berada dalam bulan Ramadhan, selain dari kita membanyakkan membaca Al-Quran bersendirian di rumah atau sa-umpama-nya, tiap malam kita telah berduyun2 beramai2 mengunjongi mesjid atau tempat yang biasa di-adakan bertadarus Al-Quran.

Maka perkara seperti ini patut-lah jangan kita ambil ringan sahaja, kerana selain dapat kebajikan kita telah termasuk memperbaiki bacaan Al-Quran dan tajwid, kerana kita membacanya di-khalayak ramai dan sudah tentu akan menjadi tanggung-jawap siapa2 saja yang ada di-majlis itu membetulkan atau menegor tentang mana yang salah. Dan kepada orang yang kita tegor pula patut-lah berterima kasih kerana kita mendapat perhatian ikhlas dari saudara kita yang bertanggung-jawap itu, dan itu-lah yang di-kehendaki oleh ugama, bukan sa-baleknya marah atau sa-umpama-nya.

Dan sembahyang tarawikh pula patut-lah kita berjemaah beramai2, kerana ada di-dapati di-tempat yang mendirikan tarawikh pada awal bulan begitu ramai, dan apabila meningkat hari, maka berkurangnya bilangan orang yang datang. Apa yang sa-patunya di-lakukan ia-lah sa-baleknya ia-itu apabila akhir Ramadhan makin ramai-lah hadir sembahyang kerana berharap mendapat masa atau apa yang di-sebut malam kadar (Lailatul Qadar).

Menurut sa-buah hadith yang di-riwayatkan oleh Saidina Omar ibni Al-Khatib daripada Rasulullah s.a.w. bermaksud:

"Apabila jaga sa-seorang kamu daripada tidur bulan Ramadhan, dan maseh lagi berbaring2 di-atas tempat tidur-nya, akan berkata-lah Malaikat kapada-nya: 'bangun!' neschaya Allah memberi berkat dan rahmat kapada mu."

Dan apabila orang itu bangun kerana hendak sembahyang maka tempat tidur berdo'a dengan kata-nya: "Ya

# Kelebehan faedah amalan2 yang di-lakukan di-sepanjang bulan Ramadhan

## KHUTBAH JUMA'AT

**"Allah memperkenankan do'a dari orang2 yang takwa dan memberi keampunan".**

Allah beri-lah kapada-nya kedudukan yang tinggi."

Dan apabila ia memakai baju, maka baju pun mendoakan juga dengan kata-nya: "Ya Allah beri-lah kapada-nya perhiasan shorga."

Dan apabila ia memakai selipar, maka berdo'a-lah kedua

selipar-nya itu: "Ya Allah tetapkan kedua kaki-nya diatas Siratal-mustaqim."

Dan apabila ia mengambil gayong atau sa-umpama-nya, maka berkata-lah gayong itu: "Ya Allah beri-lah orang ini mangkok daripada shorga."

Dan apabila ia mengambil

udhu, maka berdo'a-lah ayer kapada-nya dengan berkata: "Ya Allah bersehkan-lah daripada-nya segala dosa dan kesalahan."

Dan apabila dia sembahyang maka berdo'a-lah rumah dengan kata-nya: "Ya Allah luaskan-lah dan terangkan-lah kubor-nya serta tambah-lah rahmat mu."

Maka Allah pun melihat-nya dan berfirman semasa orang itu berdo'a, "Kami (Allah) memperkenankan-nya! Engkau memohon dan kami (Allah) menyampaikan-nya, dan engkau memohon, dan kami (Allah) memberi keampunan."

Demikian-lah salah sa-buah hadith yang panjang yang mana memberi khabar baik kapada kita semua untuk merebut peluang yang tidak ada di-bulan2 lain sepanjang tahun, melainkan dalam bulan Ramadhan. Oleh itu peluang ini tidak lama lagi akan sampai, maka di-serukan bahawa kerjakan-lah amal puasa Ramadhan ini dengan khusus dan penoh sabar, di-samping kita membanyakkan amal ibadat dan sedekah. Muga2 kita mendapat rahmat dan keampunan Allah jua.

## Hasil jualan bendera M.P.M.D.B.

SERIA. — Majlis Perkhidmatan Masharakat Daerah Belait telah mengutip sa-banyak \$1,289.16 dari penjualan bendera pada awal bulan ini.

Penjualan bendera itu telah di-lakukan oleh anggota2 Palang Merah, Pandu2 Puteri dan Pertubohan Kebajikan Perempuan Daerah Belait pada 3 Oktober lepas.

Pada 26 September tahun ini, wang sa-banyak \$1,001.00 telah di-dapati dari jualan anika barang2 di-Pusat Belia Kuala Belait.

Majlis itu telah bersetuju di-sidang-nya baharu2 ini bahawa semua wang yang di-

dapati dari jualan anika barang2 itu di-gunakan untuk membeli hadiah2 kapada kanak2 yang menerima bantuan dari majlis itu.

Kira2 sa-ratus orang kanak2 akan menerima hadiah2 pada Hari Raya Puasa dan Tahun Baru China yang akan datang.

Majlis itu juga menolong orang2 miskin dengan bantuan kewangan.

Bulan ini pembayaran bagi bantuan awam ada-lah berjumlah sa-banyak \$1,341.00.

## Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 28 Okt. 1970 hingga ka-hari Selasa 3 Nob. 1970 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit
	28 Okt.	12-10	3-28	6.09	7-23	4-33	4-48	6-05
	29 Okt.	12-10	3-28	6.09	7-23	4-33	4-48	6-05
	30 Okt.	12-10	3-28	6.09	7-23	4-33	4-48	6-05
	31 Okt.	12-10	3-28	6.09	7-23	4-33	4-48	6-05
	1 Nob.	12-10	3-28	6.07	7-21	4-33	4-48	6-05
	2 Nob.	12-10	3-28	6.07	7-21	4-33	4-48	6-05
	3 Nob.	12-10	3-28	6.07	7-21	4-33	4-48	6-05

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

## Penuntut2 berchuti

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Sembilan orang penuntut Brunei yang sekarang belajar di-Sekolah Arab Al-Junid di-Singapura telah pulang katanah ayer pada minggu lalu kerana berchuti bulan Puasa.

Mereka itu ia-lah Lamit bin Ibrahim, Zolkipli bin Mohamad Salleh, Talip bin Apong, Matzain bin Haji Awang, Aliuddin bin Yaakub, Rosli bin Matussin, Mohammed Lazim bin Matali, Mohamed Zaimi bin Talip dan Ibrahim bin Dollah.





28hb, Oktober, 1970.

## SUROHANJAYA PELAJARAN

**SUROHANJAYA** Pelajaran yang baru saja di-bentuk akan menumpukan usaha2-nya untuk meneliti dan meniasat semua mata pelajaran di-Brunei bagi faedah pembentukan satu dasar pelajaran negara yang lebel lengkap.

Pengerusi Suruhanjaya itu, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Utama Awang Isa bin Pehin Dato Perdana Menteri Dato Seri Utama Awang Haji Ibrahim, yang baru saja di-lantik menjadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Besar Brunei telah menekankan tentang tugas utama surohanjaya itu yang antara lain ialah untuk meniasat kelemahan pelajar2 di-negeri ini.

Penyasian itu akan di-dasarkan kepada penyediaan dengan asperasi kepentingan dan perkembangan ekonomi, sosial dan politik.

Kuasa2 penting yang di-sandarkan kepada surohanjaya itu ia-lah untuk melawat dan memeriksa sekolah2 dan badan2 pelajaran lain serta jabatan2 kerajaan dan menemu duga ketua2 jabatan dan pegawai2 lain yang di-fikiran dapat memberikan bantuan kepada surohanjaya itu.

Surohanjaya itu juga boleh meneliti sebarang kertas, dokumen atau surat menyurat yang di-fikirkan-nya ada kaitan dengan kerja-nya.

Sa-lain dari itu, surohanjaya tersebut di-beri kuasa untuk menilai perkara2 yang berkenaan dengan pentadbiran di-Jabatan Pelajaran dan keadaan di-sekolah2 rendah, menengah dan tinggi di-negeri ini yang juga meliputi kepada Maktab Latehan Perguruan, sekolah jurusan teknikal dan pertukangan serta Maktab Pertanian.

Tugas surohanjaya itu juga bukan-lah semata2 mencari kesalahan di-Jabatan Pelajaran, tetapi apa yang sa-benarnya ia-lah untuk meniasat tentang kelemahan dan kemunduran hal pelajaran di-Brunei untuk di-perbaiki.

Oleh yang demikian, maka ternyata bahawa tugas surohanjaya itu akan terpaksa menghadapi beberapa kepayahan untuk pelaksanaan-nya yang lebel lichin dan terator dan benar2 kebajikan untuk meninggi dan memajukan taraf pelajaran di-negeri ini, jika di-takdirkan tidak mendapat sumbangan kerjasama yang benar2 ikhlas dan jujur dari pihak2 yang akan di-hubungi oleh surohanjaya itu.

Tetapi jika di-pandang dari nafsu ingin memajukan pelajaran di-kalangan anak2 bangsa kita Brunei, maka ada-lah di-perchayai bahawa surohanjaya itu akan menchapai kejayaan yang gemilang, apa lagi jika di-teliti kepada sudut2 yang akan di-approch bagi mengkali kelemahan2 yang merachuni perkembangan pelajaran itu.

Kejayaan surohanjaya itu nanti, akan merupakan kejayaan seluruh penchinta2 pelajaran, yang chukup sedar akan kepentingan pelajaran dan kerana itu ada-lah perlu membuat laporan2 yang ikhlas, jujur dan amanah dari semua pihak yang akan di-temui.

# PERANAN UNDANG2 DALAM MASHARAKAT

**SHARAHAN** yang serupa ini saya fikir adalah yang pertama kali-nya di-adakan di-Negeri kita Brunei Darus-salam ini. Kerana mungkin ada kesukaran2 bagi pendarah2 di-bahagian undang2 yang menyebabkan mereka enggan untuk memberi ucapan dan sharahan oleh sebab wilayah undang2 itu ada-lah terlalu luas dan sukar bagi kita untuk "**memperdamikan-nya**". Jika-lah kita merengskakan-nya, ada kemungkinan bahawa erti-nya tidak akan tepat dan akan terkeluar dari tujuan yang di-maksudkan.

Oleh sebab wilayah yang tertaklok di-bawah undang2 itu ada-lah terlalu luas maka dengan tidak sengaja dan dengan tidak sa-tahu kita, bahawa yang kita

semua ini ada-lah bergerak, berkitar dan di-selimuti oleh satu suasana yang lebel berkuasa ia-itu suasana undang2 yang tidak boleh tidak kita mesti tundok dan patuhi. Mithal-nya ada di-antara pemuda2 kita selepas makan malam dan ketika bulan purnama sedang mengembang, keluar berhias2 di-titian di-kampung mereka, ada yang bergitar dan menyanyi, ada yang berbual2, ada yang berlagak seperti punggok rindukan bulan, dan ada pula yang "**bersigop terkapus2**", semua mereka ini tahu apa yang di-buat mereka itu ada-lah tidak salah di-segi undang2 dan saya sendiri bersetuju yang mereka itu tidak ada membuat apa2 kesalahan, tetapi apa yang mereka tidak ketahui ia-lah undang2 itu sentiasa berada siang dan malam dan di-mana saja mereka berada di-negara kita ini. Jadi pemuda2 yang bergitar dan menyanyi2 itu mungkin mengganggu ketenteraman jiran mereka yang mungkin mengadu ka-pehak polis atau yang berkuasa untuk melarang mereka bergitar dan menyanyi2 hingga larut malam. Bagi pemuda yang berbual2 ada kemungkinan mereka itu dengan tidak disedari menyentoh peribadi orang lain atau salah sa-orang daripada mereka sendiri atau mereka membuat satu keputusan untuk berbuat perkara yang tidak di-ingini, maka perbuatan mereka itu juga akan terta'alok di-bawah undang2 — "**jajahan undang2**".

Apa-kah pula hal-nya dengan si-punggok rindukan bulan? Merindu dan memuja yang indah atau yang di-ingini itu ada-lah hak asasi semula jadi bagi sa-seorang manusia. Tetapi jika alun perasaan pemuda itu menyebabkan dia berulang akek di-hadapan atau di-kawasan rumah orang yang di-rindui-nya itu mungkin orang tua rumah itu akan memberitahu polis yang pe-

**KEBANYAKAN** orang khas-nya di-negeri kita ini telah tidak menyedari bahawa kehidupan sa-bari2 itu ada-lah tidak terlepas dari undang2 walaupun atas perkara yang di-anggap kecil. Kerana tidak menyedari hal itu, maka berlaku-lah "kaulahan" yang sangkut-menyangkut antara masharakat, tetapi hal itu tidak di-indahkan di-sebabkan pendapat2 yang tersalah artikan dari apa yang di-sebut kebebasan itu. "Kebebasan" selalu di-artikan sa-bagai terlepas dari sebarang ikatan. Tetapi apa yang sa-benar-nya ia-lah kebebasan itu mempunyai batas2 dan peradaban-nya. Dari sudut ini-lah undang2 mengambil tempat-nya yang penting dan patut di-ketahui oleh masharakat.

Menyedari hakikat ini, maka Awang Md. Ali bin Md. Daud, Pengadil Mahkamah Kelas I dari Jabatan Kehakiman Brunei telah di-undang untuk memberikan sharahan-nya di-Kursus Guru2 Kelas Dewasa Pelajaran Rendah yang berlangsung dalam bulan Ogos, 1970 yang lalu.

Sharahan beliau itu, saperti yang di-siarkan di-halaman ini ada-lah amat baik untuk masharakat negeri ini bagi mengajak mereka memahami dengan seluas2-nya akan sudut2 yang di-kehendaki oleh undang2. Sharahan beliau ini akan di-siarkan sa-chara bersambung2 hingga selesai. — Pengarang.

muda itu akan berbuat2 perkara jahat dan mungkin dia akan di-da'awa di-bawah seksin undang2 jenayah kerana dia tidak ada menjelaskan perbuatan-nya di-waktu itu.

Jika sekira-nya dia berjaya bertemu dengan bulan yang di-rindukan-nya itu di-bawah rumah dengan menggunakan perahu (kalau ayer dalam, di-tanah lichak kalau ayer tuhur), di-jamban, di-surambi, atau pun di-hujung titian, maseh lagi mereka tidak terkeluar dari wilayah undang2 kerana mereka tertaklok di-bawah undang2 khalwat, dan jika sekira-nya mereka "**berkadamitan**" atau "**bakaingin-an**" dan seterusnya membuat perbuatan "**yang satu itu**" yang di-buat dengan suka sama suka yang mereka hanya fikirkan boleh menghapuskan perasaan yang berge-lora di-jiwa mereka masing2, maka mereka akan di-tentang oleh undang2 ia-itu bersetuboh dengan sechara haram. Jika wanita itu di-paksa oleh lelaki itu untuk membuat per-setubohan itu tanpa keizinan dan dengan tentangan dari wanita itu maka lelaki itu tertaklok di-bawah undang2 rogol. Tetapi jika laki2 itu tidak berjaya merogol, mungkin dia pula akan di-tentang oleh Undang2 kerana mencheruboh badan atau menggunakan kekerasan atas wanita itu. Jika sekira-nya wanita itu ada-lah isteri orang lain, dan oleh sebab perbuatan mereka itu, maka wanita dan suami-nya pun bercherai, ada kemungkinan bahawa si-suami memohon ka-mahkamah untuk minta ganti rugi kepada lelaki itu kerana perbuatan lelaki itu-lah menyebabkan mahligai yang awal-nya di-dirikan dengan kaseh sayang itu runtuh.

Apa-kah pula yang akan terjadi kepada pemuda yang bersigop terkapus2 itu? "**Bersigop terkapus2**" itu tidak-lah menjadi satu kesalahan, tetapi apa yang pemuda itu tidak

ketahui, ia-lah oleh sebab chucuaian-nya dia menchampakkan puntong sigop itu ka-atas atap rumah orang, dan oleh sebab nasib tidak baik, api dari puntong sigop itu menyala dan sa-terus-nya menyebabkan rumah itu hangus dan mendatangkan kerugian kepada tuan rumah itu. Oleh yang demikian, pemuda itu mungkin akan di-tudoh membakar rumah. Ada juga kemungkinan jika pemuda itu membuang puntong sigop-nya ka-ayer, di-bawah titian tetapi dengan tidak di-ketahui-nya puntong sigop itu jatuh ka-atas ayer yang kebetulan-nya ada minyak, dan dengan samana2 api itu pun menyala hingga rumah yang dekat titian itu hangus — perkara ini boleh melibatkan pemuda itu terlibat dalam pertengkaran di-segi undang2 yang mungkin hebat daripada bersigop terkapus2.

Dari mithalan2 ini, maka jelas-lah bahawa kita semua ada-lah di-tengkumusi oleh suasana undang2, maka dari itu kita atau pun masharakat kita ini ada-lah masharakat yang berundang2. Jadi tajok sharahan saya ini "Peranan Undang2 Dalam Masharakat" ada-lah berkitar dalam masharakat kita di-Brunei Darus-salam ini.

Di-sini saya di-minta untuk bersharah dan di-benarkan untuk bersharah dengan bebas-nya, tetapi walau bagaimana jua pun saya tidak terlepas dari dua ikatan, satu saya di-ikat oleh undang2 "defanation" (atau undang2 menjatohkan meruah mengikut pengkas) ia-itu walau pun saya mempunyai hak bebas berchakap, tetapi kebebasan itu tidak-lah semesti-nya terkeluar dari garisan2 yang tertentu, saperti melibatkan peribadi sa-seorang, kaum atau puak kerana jika saya berbuat



# PERANAN UNDANG2 DALAM MASHARAKAT

(Dari Muka 4)

demikian saya mungkin akan di-da'awa dalam bahagian civil kes, dan mungkin juga di-da'awa dalam bahagian jenayah jika sharahan saya ini memberi sumbangan untuk membuat perbuatan jenayah.

Ikatan yang kedua, dengan tidak saya ketahui terlebih dahulu saya, semasa memberi sharahan ini ada-lah di-adilkan dan akan di-jatuhkan hukuman tidak lain lagi ia-lah oleh para hadhiran yang akan memutuskan bahawa ada-kah sharahan saya itu baik atau tidak, berguna atau tidak, ada faedah atau tidak, dan lain2 lagi. Hukuman yang menyebabkan kata2 "kajai2" menghu- raikan kata2 saya di-sini. Oleh sebab saya akan di-hukum dan atas nama keadilan saya terpaksa menyentuh sedikit berkenaan dengan hal ini. Oleh sebab kamu akan mengambil keputusan, buat-lah ke- putusan itu dengan berhati2 kerana saya berpendapat ba- hawa orang2 yang hanya ada mempunyai saloran keinginan yang sama dengan saya saja- lah yang tahu selok belok aliran undang2 dan yang pa- tut menghukum saya. Mereka juga telah mengalami keaja- pan\* undang2 ia-itu undang2 itu tidak bernafas dan bernya- wa, tetapi dia boleh hidup dan mati dan juga boleh di-ubati.

Tidak ada sa-sabuah negeri yang membangun dan sa- terus-nya bertamaddun dalam semua jurusan ekonomi, poli- tik, sosial, cultural dan lain2 melainkan berdasarkan den- gan undang2.

Kita dulu ada terbacha di- sekolah berkenaan dengan ta- maddun (civilization) di- Egypt. Kita ada dapat perka- taan 'an eye for an eye, a tooth for a tooth' erti-nya 'mata di-bayar dengan mata, gigi di-bayar dengan gigi'. Sa- seorang yang merosakkan mata orang yang lain akan di- hukum dengan mata-nya juga akan di-rusakkan dan bagi sa-seorang yang merosakkan gigi orang lain juga akan di-hukum dengan gigi-nya juga akan di-rosakkan. Ini ada-lah undang2 yang di-akui oleh puak di-zaman itu. De- ngan terujud-nya undang2 itu, maka terselamat-lah mata dan gigi puak itu dari anchaman keganasan orang yang liar hi- dup-nya. Maka dari undang2 yang ringkas yang hanya mempunyai sa-puluh kerat perkataan kita dapati enam peranan undang2 itu dalam masharakat puak itu ia-itu:

**Satu**, menyelamatkan mata dan gigi sa-seorang dari- pada di-rosakkan oleh

orang yang lain kerana orang yang akan mero- sakkan mata dan gigi akan menerima hukuman ia-itu mata dan gigi-nya juga akan di-rosakkan. Jadi dia terpaksa berfikir dahulu jika dia mahu ber- buat kesalahan kerana dia juga akan menerima akibat perbuatan-nya.

**Kedua**, menghukum orang yang salah. Tiap2 orang yang bersalah mesti di- hukum kalau tidak dia akan lebeh bermaharaja lela.

**Ketiga**, undang2 itu melan- rang orang yang akan membuat salah, kalau-lah sa-seorang itu tidak khuatir akan undang2 itu, su- dah tentu sesuatu negeri itu akan tunggang ter- balek.

**Ke-empat**, hukuman un- dang2 itu akan menjadi kachau bilau. Oleh se- seorang yang chuba hendak berbuat kesalahan oleh sebab dia mengeta- hui hukuman orang yang bersalah itu, maka dia pun enggan untuk melan- jutkan perbuatan-nya yang salah itu.

**Ke-lima**, membentok ma- sharakat supaya patuh di-bawah perentah un- dang2. Jika sasuatu ma- sharakat itu tidak patoh kepada undang2-nya, maka masharakat itu ada- lah masharakat yang liar dan jahil.

**Ke-enam**, keselamatan dan hal2 sa-seorang akan ter- jamin dan sa-terus-nya masharakat akan dapat menghala ka-arah bertamaddun atau civilization. Jika keselamatan dan hak2 sa-seorang itu akan terganggu oleh orang yang lain, maka kesela- matan dan hak2 orang yang lain itu juga akan terancham, maka masha- rakat orang2 ini akan menjadi masharakat yang kachau bilau. Oleh se- bab tenaga mereka di- tumpukan ka-perkara yang menimbulkan ka- chau bilau, maka perja- lanan masharakat itu ka- arah bertamaddun akan tergendala.

Menyentuh dengan kesela- matan dan hak2 sa-seorang atau puak2 tidak patuh kapa- da undang2, maka saya ingin menyuntingkan kata Ibrahim Lincoln pada 21 haribulan March, 1864 di-mana beliau berkata:-

**Harta benda itu ada-lah hasil tenag2. Harta benda**

itu ada-lah di-kehendaki ke- rana dia ada-lah mustahak di-dalam dunia ini. Bahawa orang yang kaya itu menun- jukkan bahawa orang yang lain pun boleh kaya juga, dan ini ada-lah satu sum- bangan untuk bekerja dan berusaha dengan bersung- goh2. Orang yang tidak be- rumah janglah chuba meruntuhkan rumah orang lain, tetapi biar-lah dia be- kerja berhati2 dan mem- bangun rumah untuk dia sendiri, maka dari chuntoh ini, rumah-nya jika telah di- bangunkan, akan terselamat dari anchaman2.

Dari kata2 beliau ini kita dapat satu peduman kesejah- teraan hidup dalam mashara- kat ia-itu jika mengganggu harta benda orang lain, harta benda kita juga akan di-gan- gu oleh orang lain pula. Di- tarek peduman ini ka-arah undang2 maka kita dapati ba- hawa orang2 yang menggan- gu harta benda orang lain akan berbuat kesalahan dan akan di-hukum oleh undang2.

Sudah tentu para hadhiran hairan dan akan bertanya2, apa-kah benda-nya undang2, kesalahan2, hukuman dan masharakat itu yang saya se- lalu sebutkan tadi.

Saya petek dahulu perkata- an **masharakat**. Mengikut tafsiran saya, masharakat itu ada-lah puak atau kumpulan manusia baik dia kecil atau pun besar, yang mempunyai keinginan, kegemaran, tanda atau tujuan yang sama, seperti masharakat guru — mepu- nyai sama profesion dan tu- juan ia-itu untuk mengajar, mendidik dan sa-terus-nya memimpin murid2 mereka ka- arah matalamat yang tertentu. Masharakat peladang—mempunyai keinginan dalam ber- ladang. Masharakat Melayu, di-sebabkan mereka ada-lah orang2 Melayu — mempunyai keperchayaan, kebudayaan, kesenian, ugama, latar belan- gang politik, ekonomi, dan pendidekan yang sama. Tetapi masharakat yang tertaklok di- bawah wilayah sharahan saya ini ia-lah semua raayat dan penduduk di-Negeri kita Bru- nei Darus-salam ini. Mashara- kat yang bertamaddun atau civilize ada-lah masharakat yang berundang2, masharakat yang tidak berundang2 ada- lah masharakat yang hidup- nya liar dan jahil.

**Hukuman** hanya akan di- tentukan oleh undang2. Jika sa-seorang itu membuat satu2 perbuatan yang di-katakan menjadi kesalahan oleh un- dang2 itu. Jadi orang itu akan di-hukum oleh undang2. Mi- thal-nya: menchuri ada-lah

satu kesalahan di-segi un- dang2 jenayah. Jadi orang yang di-dapati salah oleh mahkamah kerana menchuri akan di-hukum di-bawah un- dang2 churi. Hukuman itu saya bahagi dua:

**Satu** Hukum di-segi jena- yah;

**Kedua** hukuman di-segi un- dang2 civil.

Hukuman2 yang boleh di- kenakan kepada orang2 yang membuat perbuatan jenayah ia-lah seperti hukuman bu- noh, penjara sa-umur hidup, atau penjara mengikut yang di-hadkan; lalap harta benda, denda (dengan wang) di-be- baskan untuk berkelakuan baik, dan bagi kanak2 di- rotan atau di-tahan di-bilek sunyi atau di-sekolah taha- nan2 bagi kanak2 melakukan jenayah.

Hukuman yang di-dapati dari civil kes, ia-lah seperti memerentahkan orang yang telah kalah bichara membayar tuntutan (wang) atau menyera- hkan harta, meneruskan kontrek, atau menyuruh atau pun tidak menyuruh membuat sa-suatu perkara. Mithal-nya, hukuman itu boleh menyuruh pemain2 gitar bermain dan menyanyi2 hingga jam 12.00 malam dan memerentahkan mereka berhenti tepat pada jam 12.00 malam.

(Bersambung minggu depan)

## Pepereksaan bagi kelas2 dewasa

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Pepereksaan bagi penuntut2 kelas2 dewasa akan di-adakan dalam bulan Disember tahun ini.

Sa-orang juruchakap bagi Ja- batan Pelajaran berkata semalam, semua penuntut yang pada masa ini menuntut dalam kelas2 dewasa dan bekas penuntut2 boleh meng- ambil pepereksaan itu.

Pepereksaan itu akan di-adakan dalam tiga peringkat — permula- an, menengah dan lanjutan.

Chalun2 bagi peringkat permu- laan akan di-berikan ujian2 dalam bacaan, renchana dalam Rumi, ilmu hisab dan ujian bahasa.

Bagi tingkatan menengah dan lanjutan chalun2 akan di-berikan ujian2 dalam bacaan, renchana dalam Rumi dan Jawi, ilmu hisab dan bahasa.

Pepereksaan bagi bacaan dan renchana Jawi akan di-adakan pada 11 Disember, sementara ba- chaan dan renchana Jawi pada 18 Disember. Ilmu Hisab dan bahasa akan di-adakan pada 19 Disember.

Borang2 permohonan bagi pepe- reksaan itu boleh di-dapati dari guru2 pelajaran dewasa. Borang2 itu mesti-lah di-kirimkan kepada Nadzir Pelajaran Dewasa tidak le- wat dari 28 Oktober.



## Pepereksaan trengkas dan menaip

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Pepereksaan Trengkas, Menaip dan ilmu menyimpan kira2 akan di-adakan dalam bulan Disember ini, di-Bandar Seri Begawan dan Kuala Belait.

Pepereksaan2 itu di-anjurkan oleh Trengkas Melayu Institute, Malaysia dan di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran.

Bayaran bagi memasoki pepereksaan Trengkas permulaan \$10.00, menengah \$12.00 dan tertinggi sa-banyak \$15.00, sementara bagi menaip permulaan \$8.00, menengah \$10.00 dan tertinggi \$12.00, dan menaip bahagian kepantasan peringkat menengah dan tertinggi sahaja bayaran-nya ialah \$5.00.

Kedua2 pepereksaan itu akan di-adakan pada 11 Disember. Hanya penuntut2 yang belajar di-kelas2 trengkas dan menaip, yang mempunyai kedatangan memuaskan serta mendapat sokongan dari gurunya sahaja di-bolehkan memasoki pepereksaan itu.

Pepereksaan ilmu menyimpan kira2 peringkat permulaan bayaran-nya sa-banyak \$10.00, menengah \$12.00 dan tertinggi \$15.00. Pepereksaan itu akan di-adakan pada 13 Disember.

Borang2 untuk memasoki pepereksaan itu boleh di-dapati dari guru kelas tersebut atau di-Jabatan Pelajaran, Bandar Seri Begawan, dan ia-nya hendak-lah di-kembalikan tidak lewat pada 4 Noverber.

## Tujuh kejadian penyakit Malaria di-jumpai

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Projek Penghapus Malaria telah menjumpai tujuh kejadian penyakit malaria di-negeri ini dari bulan September tahun ini.

Ketua Projek Malaria, Dr. Y.T. Wu dalam laporan-nya berkata, dua dari kejadian2 itu ada-lah asli dan yang lainnya di-bawa masuk ka-negeri ini.

Dua kejadian asli itu adalah yang pertama di-jumpai dalam masa beberapa tahun.

Mangsa2 penyakit itu ia-lah sa-orang ibu dan anak perempuan-nya di-Kampung Sungai Ubar di-Daerah Belait.

Kedua2-nya di-rawat di-rumah sakit kerajaan di-Kuala Belait.



Gambar atas menunjukkan Pengurus Tetap Pertubuhan Pengakap Negeri Brunei, Awang Mohamed Suni bin Haji Idris (memakai tali leher) kelihatan sa-masa menutup Kursus Wood Badge Pemimpin2 Pengakap Bahagian Kedua di-kawasan Perkhemahan Pengakap Negeri Brunei di-Jalan Gadong baru2 ini.

Kursus yang di-adakan selama 9 hari itu telah di-hadiri oleh lebih dari 50 orang pemimpin pengakap dari seluruh negeri.

Ia-nya telah di-rasmikan oleh Yang Di-Pertua Pertubuhan Pengakap Negeri Brunei, Awang Mohammad Ali bin Daud pada 9 Oktober.

## Hadhiri sidang di-New Zealand

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Pemangku Pesuruhjaya Penyusun Pengakap Negeri, Awang Mahmud Saharani Othman berlepas ka-New Zealand pada minggu lalu untuk menghadiri persidangan dan kursus latihan pengakap2 Timor Jauh.

Dari 24 hingga 27 Oktober, Awang Shahrani telah menghadiri kursus Melateh Pasokan dan dari 28 Oktober hingga 3 Noverber persidangan dan latihan pengakap2 Timor Jauh di-Wellington.

## Majlis forum M.B.B.

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Yang Di-Pertua Majlis Belia2 Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Utama Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin malam Juma'at lalu telah merasmikan majlis forum di-Dewan Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Forum yang bertajuk "Tulisan Jawi dengan Perkembangan-nya di-Brunei" itu di-anjurkan oleh Bahagian Ugama Majlis Belia2 Negeri.

Tiga orang peserta telah

## 40 ekor lagi lembu betina di-beli dari Negeri Kedah

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Jabatan Pertanian telah membeli 40 ekor lagi lembu betina dari Kedah, Malaysia Barat di-bawah rancangan memperbaiki ternakan lembu.

Ini telah di-nyatakan oleh pegawai haiwan, Awang C.V. Subramaniam yang telah pulang dari Malaysia Barat baru2 ini.

Awang Subramaniam berkata lembu2 itu akan tiba di-Brunei pada akhir bulan ini.

Dengan ini sa-jumlah 104 ekor lembu betina telah di-beli oleh jabatan itu dari Kedah di-bawah rancangan tersebut.

Enam puluh empat ekor lembu betina itu telah di-beli dalam tahun 1968.

Dalam awal tahun 1968 itu juga jabatan itu telah membeli enam ekor lembu jenis "Santa Gertrudis" dari Brisbane, Australia — empat ekor lembu betina dan dua jantan — untuk di-jadikan punca penghasilan ternakan yang baik.

Lembu2 jantan itu sa-lain dari di-satukan dengan lembu2 betina Santa Gertrudis juga di-kahwinkan dengan lembu2 betina Kedah dan oleh yang demikian hasil telah terdapat dalam rupa anak2 lembu yang terasing dari champoran dan anak2 lembu champor.

Jabatan itu telah pun menjual baru2 ini sa-ekor anak lembu champoran kepada sa-orang peladang di-Temburong.

Dua ekor lagi anak lembu champoran akan di-jual tidak lama lagi.

## Dua hadhiri sidang sa-dunia di-Calcutta

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Dua orang pegawai dari Pertubuhan Perkumpulan Wanita Brunei akan mewakili Negeri Brunei di-sidang Pertubuhan Wanita Sa-dunia yang akan di-adakan di-Calcutta, India mulai 17 hingga 24 Disember tahun ini.

Mereka ia-lah Yang Di-Pertua, Dayang Rogayah binte Abdul Rahman dan Setia Usaha Agong, Dayang Marhani binte Abdul Latif.

Dayang Rogayah berkata tema sidang itu ia-lah "peranan pertubohan2 sukarela wanita dalam kemajuan kebangsaan".

Dayang Rogayah berkata pertubohan itu akan mengadakan satu perjumpaan tidak lama lagi bagi merangkakan rancangan2 untuk kutipan derma untuk tambang mereka.

Sebahagian dari kutipan wang itu telah di-dapati dari "pesta batek" yang di-anjurkan oleh pertubohan itu baru2 ini.

## Guru2 di-seru mengajar dengan jujur

**SINAUT.** — Nazir sekolah2 Melayu bahagian Tutong Satu, Awang Shahbuddin bin Salleh telah mengingatkan semua guru2 di-kawasan itu supaya menanamkan semangat kaseh sayang kepada murid2 dan mengajar mereka dengan jujur dan penoh tanggung-jawap.

Beliau telah berucap demikian ketika mempengerusikan mashuarat guru2 besar Sekolah2 Melayu di-Bahagian Tutong Satu kali ketiga di-Sekolah Melayu Sinaut Tutong pada minggu lalu.

Beliau juga mengingatkan kepada guru2 besar supaya berusaha menchari jalan bagi mengatasi masaalah kelemahan murid2 dan bersedia menghadapi chabaran revolusi pelajaran pada masa akan datang.

Guru2 kata-nya, jangan-lah berpuas hati setakat kemajuan pelajaran murid2 yang ada, dan hendak-lah bergiat lagi meningkatkan taraf pelajaran mereka sesuai dengan peredaran masa.

mengambil bahagian dalam majlis tersebut. Mereka ia-lah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Utama Dr. Awang Haji Mohamed Jamil Al-Sufri; Awang Yahya bin Haji Ibrahim dan Awang Haji Abdul Aziz Junid.

Pengerusi tetap M.B.B., Awang Abdul Hamid bin Bakal, telah mempengerusi.

Para peserta itu juga telah menjawab soalan2 yang dikemukakan oleh para hadirin di-majlis itu.



# Jawatan-Jawatan Kosong

## Sa-bagai Penjaga Asrama di-Jabatan Pelajaran

Permohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan2 Penjaga Asrama di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

### Jawatan2 Kosong ini ia-lah:-

- a) Di-Sekolah Menengah Melayu, Bandar Seri Begawan — (1 lelaki dan 1 perempuan).
- b) Di-Sekolah Melayu Puser Ulak, Bandar Seri Begawan — (1 lelaki dan 1 perempuan).
- c) Di-Sekolah Inggeris Tutong — (1 lelaki dan 1 perempuan).
- d) Di-Maktab Perguruan Brunei — (1 lelaki dan 1 perempuan).

- e) Di-Sekolah Pertukangan Pembangunan, Bandar Seri Begawan — (1 lelaki).
- f) Di-Sekolah Pertukangan Kejuruteraan, Kuala Belait — (1 lelaki).
- g) Di-Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong — (1 lelaki dan 1 perempuan).

### Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus Sijil Rendah Pelajaran atau yang sa-banding dan hendak-lah sa-baik2-nya mempunyai pengalaman dalam penyeliaan dan pengurusan sa-buah asrama, termasuk pengalaman memasak makanan Melayu.

### Tugas2:

- a) Menjaga asrama dan pekerja2 dapur.
- b) Menjaga membeli belah dan memereksa barang2 yang di-bekalkan, menyediakan jadual2 makanan serta makan minum di-asrama.

### Gaji:

Dalam sukatan gaji D.3-4 EB 5 \$380x20-620/EB/640x20-700. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

### Sharat2 Perkhidmatan:

Chalun yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkotrek sa-lama 3 tahun termasuk masa per-

chubaa sa-lama 6 bulan. Chalun yang berjaya yang terdiri dari raayat atau yang berhak di-daftar-kan sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaa.

### Baksis:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantek sa-chara berkotrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti

atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 Noverber, 1970.

## Pepereksaan bahasa China dan Jepun

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Bahagian Pelajaran Dewasa Jabatan Pelajaran akan mengadakan pepereksaan bahasa China dan Jepun, dalam bulan Disember hadapan.

Pepereksaan bahasa Jepun, akan di-adakan pada 7 dan 8 Disember.

Pepereksaan bahasa China, bagi pelajar2 dalam Primary II dan Primary IV, akan di-adakan pada 8 dan 9 Disember.

Pepereksaan itu, hanya terbuka kepada penuntut2 kelas pelajaran dewasa, yang telah menghadiri kelas2 itu, dan mendapat sokongan dari guru2 mereka.

Pepereksaan itu, akan di-adakan di-Sekolah Melayu Puser Ulak, di-Bandar Seri Begawan, Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait, Sekolah Melayu Labi, dan Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar, Temburong.

Mereka yang ingin, hendak mengambil pepereksaan itu, boleh menghantarkan permohonan kepada Jabatan Pelajaran, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari hari ini, 28 Oktober.

## Setia Usaha W. A. Y. akan melawat Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Setia Usaha Agong Pertubohan Belia Sa-dunia bagi Asia, Awang K.V. Reddy akan melawat Brunei pada 29 Oktober hingga 2 Noverber ini.

Beliau akan melawat persatuan2 belia di-negeri ini dan akan melihat kegiatan2 yang di-laksanakan oleh belia2 dalam semua bidang kebajikan.

Persatuan2 belia yang ingin menjemput Awang K.V. Reddy ka-majlis jamuan atau lawatan2 tertentu semasa beliau berada di-Brunei, boleh-lah berhubung dengan Setia Usaha Agong Majlis Belia2 Negeri Brunei, Awang Yaakub bin Ahmad.

## DI-JABATAN PERIKANAN

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Perikanan, Brunei.

### (a) PENJAGA AKUARIAM (10 jawatan)

#### Kelayakan2:

Chalun2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Form II dan mempunyai pengalaman memelihara ikan dalam tangki.

#### Tugas2:

Membuat segala pekerjaan yang berkaitan dengan pemeliharaan ikan dan tangki ikan.

#### Gaji:

Dalam sukatan gaji E.1-2 EB 3 —\$200x10-270/EB/280x10-330. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

### (b) PENYAMBUT/PENJAGA TALIPON (2 jawatan)

#### Kelayakan2:

Chalun2 mesti-lah terdiri dari kaum wanita berumur di-antara 17 dan 25 tahun. Mereka mesti-lah lulus sekurang2-nya Form II dan boleh bertutor dalam bahasa Inggeris.

#### Tugas2:

Tugas2 di-meja penyambut Akuarium Hassanal Bolkiah termasuk-lah menjual tiket2 dan risalah2, memberi maalamat2 dan menjaga talipon. Chalun2 mesti-lah bersedia untuk bekerja di-luar masa kerja yang biasa bagi pegawai2 Kerajaan.

#### Gaji:

Dalam sukatan gaji E.1-2 EB 3 —\$200x10-270/EB/280x10-330. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

### (c) ATENDAN DEWAN (4 jawatan)

#### Kelayakan2:

Chalun2 mesti-lah berumur di-antara 25 dan 40 tahun, mempunyai sekurang2nya Sijil Pelajaran Sekolah Rendah dan sa-banyak

sedikit pengetahuan bahasa Inggeris.

#### Tugas2:

Membersehhkan dewan2 orang ramai di-Akuarium Hassanal Bolkiah dan mengawas orang ramai. Chalun2 mesti-lah bersedia untuk bekerja di-luar masa kerja yang biasa bagi pegawai2 Kerajaan.

#### Gaji:

Dalam sukatan gaji F.1-2 EB 4-5 — \$160 x 5-220/EB/225 x 5-270. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei. Hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 2 Noverber, 1970.

## Sa-bagai Tradesman

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan sa-bagai Tradesman Tingkatan I Kumpulan I di-Jabatan Ukor, Brunei.

#### Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 3 tahun pengalaman sabagai tukang kayu dan boleh membacha lukisan2.

#### Tugas2:

Chalun2 yang berjaya akan dikehendaki membuat dan membaiki perabot2, membaiki perahu dan membuat bairup ukor.

#### Gaji:

Dalam sukatan gaji F3 EB 4 — \$200x5-220/EB/225x5-240.

Permohonan2 yang mesti di-ucuhkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 3 Noverber, 1970.

**SI-TUYU** oleh: m. sallah ibrahim





## PELAJARAN PENTING BAGI NEGARA YANG BARU MEMBANGUN - DATO ISA

**KUALA BELAIT.** — Pengerusi Surohanjaya Pelajaran, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Utama Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Seri Utama Awang Haji Ibrahim telah menyatakan bahawa kerajaan kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah menyedari akan kepentingan pelajaran bagi sesebuah negara yang baru membangun seperti Brunei.

Beliau menjelaskan bahawa kerajaan sedang bergiat berusaha malahan menchurahkan harta benda ka-arah perkembangan ini.

Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Utama Awang Isa telah berkata demikian dalam satu perjumpaan guru2 dari Daerah Belait, Tutong Dua dan Temburong yang diadakan di-Dewan Sekolah Menengah

Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait pada hari Sabtu lepas.

Beliau juga menerangkan bahawa tujuan besar mengadakan perjumpaan itu ia-lah untuk memperkenalkan ahli2 surohanjaya itu dan juga menerangkan perkara2 yang berkaitan dengan tugas surohanjaya itu.

Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja itu menerangkan bahawa surohanjaya itu di-tugaskan untuk menjalankan usaha bagi meneliti dan menasihati mengenai kedudukan pelajaran di-negeri ini bagi faedah2 membentok satu dasar pelajaran yang lengkap dan sesuai dengan perkembangan ekonomi, sosial serta dengan kedudukan raayat di-negeri ini.

Akhir-nya beliau menyatakan bahawa kerajaan mempunyai harapan yang besar terhadap usaha2 yang akan di-laksanakan oleh surohanjaya itu dan ada-lah di-harapkan supaya cherdek pandai khas-nya para pendidik negeri ini akan tampil memberikan sumbangan yang bermutu tinggi kepada surohanjaya ini nanti.



Y.A.M. Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusuf di-upachara meletakkan batu asas tugu chenderamata itu.

## Istiadat pengurniaan bintang2 dan pingat2

(Dari Muka 1)

**Darjah Mahkota Brunei Yang Di-Hormati Darjah Ketiga** — S.M.B.

Dayang (Dr.) G. de Silver; Awang 'Abidin bin Abdul Rashid dan W.O. II. L.G. Wright.

**Perwira Agong Negara Brunei Darjah Kedua** — Pa N.B.  
Awang Ta'aim bin Ahmad.

**Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Ke-empat** — P.S.B.

PW II Pengiran Mohammad bin Pg. Metassim; Sgt. Ja'afar bin Mohd. Said; L/Cpl. Pg. Othman bin Pg. Zainal; Pte. Ak. Nordin bin Pg. Damit; Awang A.W. Jerred; Awang F.X. Da Costa; Sgt. Johari bin Ahmad; S/Sgt. Mohd. Hanafi bin Mohd. Ja'afar; Lt. J. Morris dan Awang M.K. Fozdar dan Cpl. Yusof bin Din.

**Pingat Hassanal Bolkiyah Sultan Pangkat Pertama** — P.H.B.S. I.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim; Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Umar; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar; Yang Berhormat Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar bin Awang Rendah; Yang Di-Mulihkan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Utama Awang Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz.

Yang Mulia Pengiran Anak Mohamad Hassan bin Pengiran Sabtu Kemaluddin; Yang Mulia Pengiran Anak Ahmad bin Pengiran Sabtu Kemaluddin; Yang Mulia Pengiran Anak Haji Mohamed ibni Al-Marhum D.P.B. Anak Abdul Rahman; Yang Mulia Pengiran Mohamed bin Pengiran Haji Ismail.

Yang Di-Mulihkan Pehin Orang Kaya Perdana Indera Awang Haji Mohd. Taha bin Haji Bakir; Yang Di-Mulihkan Pehin Orang Kaya Perbendaharaan Di-Raja Dato Paduka Awang Haji Ali Husain bin Khatib Muhammad; Dayang Bar-

bara Berthoud; Awang Bertram Stanley Andrews; Awang Darus bin Haji Tahir; Awang (Dr.) T. Panch dan Kaptain Karim bin Muhamad.

**Pingat Hassanal Bolkiyah Sultan Pangkat Kedua** — P.H.B.S. II

Dayang Joan Halliwell; Awang Clement Chia Nyuk Hin; Awang Sulaiman bin Abdul Latif; Awang Judin bin Mail; Awang Ludin bin Ahim; Awang Metusin bin Ali-akhbar; Orang Kaya Sura Tuba bin Talip; Y.M. Pengiran Aliuddin bin Pengiran Abd. Rahim; Awang Ringgit bin Luang.

Awang Ibrahim bin Abdul Latif; Awang G.E. Cadogan Edwards; Awang G.W. Deakins; Awang Norman Jean Auguste Frigout; Pte. Madin bin Haji Kula; Sgt. Mustafa bin Chuchu; L/C Lamit bin Jamudin; Awang Bandang bin Ambang.

Cpl. Johari bin Abdul Rahman; Cpl. Besar bin Haji Salleh; Cpl. Ak. Md. Yassin bin Pengiran Haji Md. Said; Cpl. Bagul bin Momin; Cpl. Syed Omar bin Syed Salim; P.C Daud bin Md. Jaafar; S/Sgt. Hussain bin Ahmad dan S/Sgt. Mohd. Yatim bin Ahmad.

**Pingat Jasa Kebaktian** — P.J.K.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail; Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim; Yang Mulia Dato Paduka Awang Md. Noor bin McAfee; Yang Mulia Pengiran Sabtu bin Pengiran Othman; W.O. Sulaiman bin Ahmad; Lt. Mohd. Don bin Abdul Latif; Sgt. Ismail bin Metersad; Cpl. Ahmad bin Rashid; S/Sgt. Tahamid bin Kula; Sgt. Yusof bin Hussain dan Awang Yee Cheo Lin.

**Pingat Indah Kerja Baik** — P.I.K.B.

Yang Mulia Pengiran Md. Said bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar; Awang Suhaimi bin Haji Ismail; Awang Abdul Latif bin Sulaiman; Awang Haji Ibrahim bin Pehin Orang Kaya Di-Gadong Daud; Awang Joseph Liew Fook Choi; Awang Wong Ah Fatt; Awang Asbi bin Khatib Abdullah; Awang Serudin bin Duraman dan Awang Tuah bin Kapal.

Dayang Nellie Patiwal; Awang Md. Sum bin Hashim; Awang Wong Chow Kee; Awang Bohari bin Ali; Dayang Sino binte Haji Umar; Dayang Pauline Liew Fung Yin; Awang Basir bin Mohd. Salleh; Awang Haji Hanafiah bin Abdullah; Y.M. Pengiran Mohamed bin Pengiran Damit Matserudin; Awang Hanafiah bin Mohamed Ali dan Awang Yap Heng.

Awang Ahmad bin Kadi; Dayang Helen Chong Tet Kong; Y.M. Pengiran Omar bin Pengiran Abas; Awang Abdul Wahab bin Haji Mohd. Said; Awang Mohd. Jamil bin Ahmad; Y.M. Pengiran Haji Abdul Wahab bin Pengiran Merali; Awang Metussin bin Matarsat; Awang Hussin bin Ahmad; Awang Jumat bin Karudin.

Awang Mukim bin Hassan; Y.M. Pengiran Mohd. Kifli bin Pengiran Haji Md. Yusuf; Awang Manggong bin Jambol; Awang Mislée bin Haji Abdullah; Awang Muslim bin Burut; Awang Francis King; Awang Majid Khan bin Abdul Khan; Awang Chong Tuck Loong; Awang Talip bin Meramit; Awang Ahmad bin Bidin.

Awang Bakir bin Sidek; Awang Othman bin Ahmad; Awang Mohd. Salleh bin H. Ibrahim; Awang Hussin bin Ismail; Awang Suot bin Maksin; Awang Abd. Ghani bin Mohid; Awang Jublee bin Jumat; Awang Haji Idris bin Md. Tahir; Cpl. 55 Awang Matyassin bin Maksin; Y.M. Pengiran Tajuddin bin Pengiran Anak Hashim.

Awang Md. Hussain bin Md. Yusof; Awang Md. Yusof bin Md. Tahir; Awang Anthony Chin; Cpl. Manaf bin Haji Kamis; Cpl. Basman bin Sahari; Cpl. Dahlan bin Othman Cpl. Kamar bin Mohammad; Pte. Naudi bin Shawal; Bdms Manshor bin Saidin.

Pte. Karim bin Ismail; Pte. Ali bin Abdullah; Pte. Dudi bin Ahmad dan Awang Mohd. Yusof bin Ampuan Daud.

**Pingat Kerja Lama Pulis**

Sgt. 120 Awang Mohd. Rakawi bin Serang Mohammad.

**Pingat Perjuangan** (8hb. Disember, 1962)

Awang Clement Chia Nyuk Hin.

## M.B. letakkan batu asas tugu chenderamata

**SERIA.** — Menteri Besar Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah menguchapkan terima kasih kepada pendudok2 di-Daerah Belait kerana membena tugu chenderamata kenangan sabagai memperingati jasa gemilang Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan.

Beliau telah beruchap demikian sa-jurus sa-belum merasmikan perletakan batu asas Tugu Chenderamata itu di-Taman Bunga kawasan Pejabat2 Kerajaan Pekan Setia Juma'at lepas.

Menteri Besar itu berkata dengan terbena-nya tugu chenderamata itu akan menjadi chermin terhadap usaha Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan semasa pemerintahan baginda yang menumpukan usaha ka-arah perkembangan negara.

Beliau berkata tugu chenderamata kenangan itu juga menjadi salah satu lambang sejarah yang akan di-peringati buat selama2-nya, oleh semua lapisan raayat di-negeri ini.

Terdahulu sa-belum itu Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Alikhan bin Abdul Khan telah menerangkan bahawa usaha untuk membena tugu kenangan itu pada mula-nya di-chadangkan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail semasa beliau menjadi Pegawai Daerah Belait beberapa tahun dulu dan sekarang usaha beliau itu di-teruskan.

Di-antara yang hadir di-upachara itu termasuk-lah Setiausaha Kerajaan Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail, Pegawai2 Kanan Kerajaan dan jemputan2 khas.